

Jenayah siber sukar diatasi

CHRISTINA ULAU

KUCHING, Sabtu — Kesukaran untuk mengesan penjenayah siber berkenaan lokasi operasi, terutamanya jika berada di luar Malaysia, disifatkan sebagai cabaran dan masalah penipuan siber disukar diatasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Haji Fadillah Haji Yusof berkata demikian kerana mengesan bukit lokasi operasi kegiatan jenayah siber memerlukan kerjasama membabitkan undang-undang dua negara.

"Mereka (penjenayah siber) boleh beroperasi di mana-mana lokasi yang sukar dikesan sekali gus menjejaskan kerja menjejak dan meminimumkan masalah jenayah siber ini," tegasnya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Penutupan Program Tunas Cemerlang 2.0 di Sekolah Kebangsaan (SK) Merpati Jepang, di sini, hari ini.

Kata Fadillah, kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa diperlukan untuk mengurangkan masalah jenayah siber daripada terus berleluasa.

"Kita mengambil banyak pendekatan untuk meminimumkan keselamatan siber ini seperti me-

ningkatkan keupayaan teknologi dan melatih sumber manusia yang pakar dalam bidang siber kerana, kita yakin adalah lebih baik membendung masalah daripada menjadi semakin teruk," katanya.

Penyandang kerusi Parlimen Petra Jaya itu menambah, kerajaan memerlukan individu yang pakar dalam selok-belok alam siber.

Bagaimanapun, katanya, kurangnya kesedaran pendidikan mengenai alam siber kalangan pengguna internet dan individu yang mahu mendapat keuntungan cepat juga menyebabkan kes jenayah siber sukar dibendung di negara ini.

"Kita mengadakan banyak program kesedaran mengenai jenayah siber kalangan generasi muda terutamanya melibatkan pelajar sekolah kerana pendidikan di usia awal perlu bagi memberi panduan kepada mereka agar peka dengan apa yang berlaku semasa melayari internet," tegasnya.

Menurut Fadillah, sebanyak 9,986 kes insiden keselamatan siber dilaporkan sehingga suku pertama tahun 2013 iaitu 2,499 laporan meliputi sembilan insiden utama.

Antara insiden utama tersebut, penipuan, pencerobohan, spam, gangguan siber, kod berbahaya, cubaan



RAKAM KENANGAN ... Datuk Fadillah Haji Yusof (tengah) ditemani Pengerusi CyberSecurity Malaysia Tan Sri Dato' Seri Panglima Bersara Mohd Azumi Mohamed merakam kenangan bersama para peserta pada majlis CyberSecurity Malaysia Laksana Tanggungjawab Sosial Korporat Melalui Program Tunas Cemerlang 2.0, di Kuching semalam. • SUZANNE EMPAM

pencerobohan, berkaitan kandungan, laporan vulnerability dan gangguan perkhidmatan atau DDOS.

"Jumlah insiden serta kerugian daripada insiden keselamatan siber ini akan terus meningkat sekiranya

masyarakat, khususnya pengguna internet tidak diberi pendedahan mengenai kepentingan keselamatan siber.

"Selain itu, ia boleh menggugat keselamatan dan mengancam kesejahteraan negara serta boleh memberi

impak kepada pertumbuhan ekonomi negara," jelasnya.

Kata Fadillah, Program Tunas Cemerlang yang diperkenalkan pada tahun 2009 merupakan inisiatif CyberSecurity Malaysia.

Hadir sama Pengerusi CyberSecurity Malaysia Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd. Azumi Mohamed (B) dan Ketua Pegawai Esekutif CyberSecurity Malaysia Dr. Amirudin Abdul Wahap.